

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10)
 PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
 PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian.

BM



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
 PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)

[Home \(/\)](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » UPM bantu pelajar tingkat minat subjek Fizik

Senarai Berita (/berita)

UPM bantu pelajar tingkat minat subjek Fizik

Oleh: Muhammad Naziff Ahamad Said



SERDANG - Seramai 174 orang pelajar dari 11 buah sekolah menengah Wilayah Persekutuan Putrajaya menyertai Kem Fizik 4 U 2018, program bagi memupuk minat dan meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Fizik, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi pasukan 'Putra Outreach Physics' dengan kerjasama Unit Sains dan Matematik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) Putrajaya serta panitia fizik sekolah-sekolah menengah Putrajaya.

Program itu mendapat suntikan idea ketua pasukan Putra Outreach Physics, Dr Yap Wing Fen yang juga pensyarah kanan di Jabatan Fizik, Fakulti Sains, UPM. Beliau dibantu oleh 34 orang ahli Kelab Mahasiswa Fizik, Fakulti Sains, UPM dan panitia Fizik semua sekolah putrajaya diketuai Mohd Fahmi Junid.

Dr Yap berkata, menurut kajian, purata pelajar sekolah menengah mengatakan subjek Fizik terlalu rumit dan terlampau banyak konsep yang perlu difahami.

LIHAT JUGA



UPM bantu pelajar tingkat minat subjek Fizik (/berita/upm_bantu_pelajar_tingkat_minat_sut-41225) Newsletter



UPM-CUCKOO International jalin kolaborasi penyelidikan air berkualiti (/berita/upm_cuckoo_international_jalin_kolaborasi_nyelidikan_air_berkualiti-41207)



InnoHub berjaya lahir lebih 50 techpreneur (/berita/innohub_berjaya_lahir_lebih_50_techpreneur-41111)




Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)



“Pelajar sekolah menengah sering merumitkan cara mereka untuk memahami sesuatu konsep dan formula Fizik sedangkan mereka lupa itu adalah cara hidup mereka.

“Dengan menganggap Fizik sebagai cara hidup dan mengamalinya, pelajar sekolah akan lebih mudah memahami sesuatu konsep dan seterusnya cemerlang dalam mata pelajaran Fizik, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” katanya.

Putra Outreach Physics yang bermoto “Transfer, Transverse, Transfrom (Memindah, Melintas dan Mengubah)” menggunakan pendekatan yang berfokuskan pelaksanaan aktiviti secara hands-on. Peserta diberi peluang menyaksikan, mengalami sendiri serta mempelajari konsep yang berlaku dalam kehidupan seharian serta menyertai pelbagai aktiviti Outdoor.



Antara aktiviti itu ialah “The Amazing Race” yang menggabungkan kecerdasan fizikal dan pemikiran analitikal untuk menyelesaikan permasalahan Fizik di stesen-stesen eksperimen.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Mohd Basyaruddin pula berkata, program tersebut berupaya mengasah kemahiran insaniah (soft skills) fasilitator UPM jurusan Bachelo Sains (Kepujian) dalam kemahiran komunikasi, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan, pengurusan maklumat serta pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Katanya, program itu juga mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi terhadap komuniti dan masyarakat setempat.

Wakil fasilitator, Muhammad Ahnaf Sharifulazman berkata, mahasiswa Tahun 3 Bachelo Sains (Kepujian) Sains Instrumentasi Jabatan Fizik berkata, menerusi program itu, fasilitator boleh menyampaikan ilmu dan membantu pelajar memahami konsep fizik dengan betul.

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Seorang peserta Muhammad Arif Musthaba dari SMKA Putrajaya berkata program itu memupuk minat peserta melalui pembelajaran yang dinamik.

BM

"Program ini juga meningkatkan produktiviti peserta melalui aktiviti yang memupuk semangat kerjasama berpasukan. Persepsi saya terhadap fizik telah berubah setelah mengikuti program ini. Terima kasih kepada semua fasilitator dan Dr. Yap," katanya.

Seorang lagi peserta, Tang Hiew Muun, pelajar SMK Putrajaya Presint 18 (1) berkata, 'The Amazing Race' dan CSIP merupakan slot yang amat mengujakan kerana ia memberikan cara pembelajaran Fizik luar biasa yang dapat melatih Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). - UPM

Kemaskini:: 02/08/2018 [hairul_nizam]

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_bantu_pelajar_tingkat_minat_subjek_fizik-41225&title=UPM%20Bantu%20Pelajar%20Tingkat%20Minat%20Subjek%20Fizik%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus)
 (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)
 (/#wordpress) (/#print)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
 ☎ 1800 22 5587
 📠 +603 8948 7273
 ✉ marketing@upm.edu.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)
 1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)
 Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.tender.kontrak.upm.edu.r>)
 Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202)
 Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/n8202>)
 Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu>)
 Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)
 Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)
 Takwim UPM 2018 (<http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/2018.pdf>)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
 Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) | RSS (/rss)
 Penafian (/footnote/penafian-29938) | Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
 UPM online (/footnote/upm_online-38695)
 Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2018 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda

B1533268595

B1533268595